

Angka Giliran _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JKP 415 – Organisasi Antarabangsa

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **TIGA** soalan sahaja. Bahagian A dan B (Soalan Wajib). Bahagian C (Pilih dan jawab **SATU** soalan sahaja).

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Kertas soalan hendaklah dipulangkan bersama-sama kertas jawapan. **Markah ‘0’ dan gred F akan diberi kepada sesiapa yang tidak memulangkan kertas soalan.**

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

Bahagian A (Soalan Wajib)

1. Sarjana X mengatakan bahawa,
“Hubungan antarabangsa perlu dilakukan dalam kesederhanaan, bukan keganasan.”

Sarjana Y pula mengatakan bahawa,

“Dalam hubungan antarabangsa, keadilan dan kebijaksanaan perlu untuk mengatasi keberanian.”

Bagaimanakah pemikiran dua sarjana ini menjadi asas pembentukan Organisasi Antarabangsa?

(100 markah)

Bahagian B (Soalan Wajib)

2. “Demi mempromosi kerjasama dan mencapai keamanan antarabangsa dan keselamatan, dengan menerima tanggungjawab tidak berperang, dengan memelihara hubungan antarabangsa yang terbuka, adil dan bermaruah, dengan berpegang pada undang-undang antarabangsa sebagai aturan kerajaan, dan dengan menjaga keadilan dan hormat pada obligasi semua suratcara, ahli-ahli bersetuju dengan Permuafakatan Liga Bangsa-Bangsa (LBB)”.

- (Permuafakatan LBB 1920)

Jelaskan prinsip Liga Bangsa-Bangsa (LBB) yang tersurat dalam perenggan di atas.

(100 markah)

Bahagian C (Pilih dan jawab SATU soalan sahaja)

3. Menurut *Fortune 500*, pada tahun 2006, *Wal Mart Stores* mempunyai bilangan pekerja yang teramai di dunia iaitu 1.9 juta orang. Sungguhpun *Multinational Corporations* (MNC) ini didakwa mempunyai rekod hak asasi yang buruk, negara-negara membangun tetap terbuka kepada Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) yang dibawa masuk oleh MNC ini.

Analisiskan kekuatan pendekatan neo-strukturalisme dan keterbatasan pendekatan realisme dalam mengupas senario di atas.

(100 markah)

4. "Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-moon hari ini berkata, kesabaran badan dunia itu terhadap Myanmar semakin "hilang dengan cepat" dan menggesa junta tentera meneruskan rundingan dengan pemimpin demokrasi, Aung San Suu Kyi. Selepas junta tentera bertindak keras terhadap penunjuk perasaan demokrasi pada September lalu, utusan PBB, Ibrahim Gambari dan penyiasat khas hak asasi telah dibenarkan melawat negara itu tetapi Ki-moon memberi amaran, rejim tentera perlu memperlihatkan lebih banyak kemajuan."

- (Utusan Malaysia, 10 Disember 2007)

Pernyataan Ban Ki-moon ini hanyalah retorik semata. Bincangkan.

(100 markah)

